



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT TUAN LUKE LINDBERG, TIMBALAN SETIAUSAHA PERDAGANGAN DAN HAL EHWAL PERTANIAN ANTARABANGSA, UNITED STATES DEPARTMENT OF AGRICULTURE (USDA) KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 15 JANUARI 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Luke Lindberg, Under Secretary for Trade and Foreign Agricultural Affairs, United States Department of Agriculture (USDA), semalam bersempena misi perdagangan Amerika Syarikat ke Malaysia yang berlangsung pada 14 hingga 15 Januari 2026. Sesi pertemuan ini turut disertai oleh TYT Edgard D. Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia.

Perbincangan tertumpu kepada potensi peluasan perdagangan pertanian dua hala serta peluang kerjasama teknikal dan pelaburan bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian. Antara bidang yang diberi penekanan termasuk penggunaan mekanisasi dan automasi, teknologi digital, pembangunan pertanian pintar, penambahbaikan varieti benih serta penerapan teknologi Internet of Things (IoT).

Selain itu, KPKM turut menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan USDA dalam usaha memodenkan pengeluaran jagung bijirin (grain corn) bagi kegunaan makanan ternakan, di samping memperkukuh keupayaan pengeluaran sektor agromakanan negara melalui penerapan teknologi moden.

Mesyuarat turut membincangkan lawatan kerja pegawai KPKM ke Amerika Syarikat yang turut melibatkan penyertaan wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Pertanian (DOA) dari 17 hingga 24 Januari 2026. Lawatan ini bertujuan mempertingkatkan kerjasama kedua-dua negara dalam aspek sanitari dan fitosanitari.

Nilai perdagangan pertanian antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah direkodkan sebanyak RM14.68 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2025, sekali gus mencerminkan peranan Amerika Syarikat sebagai rakan strategik penting Malaysia dalam rantai bekalan makanan global.

Hadir sama dalam sesi ini ialah YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM; YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM; YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian; serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

